
**UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN
YB DATO' SERI KONG CHO HA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN “ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG TAHUN 2009” PERINGKAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
30 JUN 2010**

Yang Berusaha Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jelaing Anak Mersat
Timbalan Menteri Pengangkutan I**

**Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim bin Bakri
Timbalan Menteri Pengangkutan II**

**Yang Berbahagia Dato' Long See Wool
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan,**

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian,

**Yang Berbahagia, Dato'-Dato', Datin, serta Tuan-tuan dan Puan-
puan yang dihormati sekalian,**

Selamat Pagi, Salam Sejahter dan salam 1 Malaysia,

Terima kasih saya ucapkan di atas kesudian pihak penganjur yang menjemput saya untuk bersama-sama warga Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya bagi meraikan **Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009**. Tahniah dan sekalung penghargaan diucapkan kepada pegawai dan kakitangan yang telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2009.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan oleh pihak pengurusan Kementerian Pengangkutan di atas pencapaian kerja yang cemerlang yang telah ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tahun 2009. Di samping meraikan kegembiraan ini, suka untuk saya tekankan bahawa penganugerahan ini juga merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh tuan-tuan dan puan-puan untuk menjadi pegawai yang boleh dicontohi oleh orang lain dan harus terus berusaha untuk mencapai yang terbaik dalam perkhidmatan awam.

Selaku penerima yang hanya mewakili 8 peratus daripada keseluruhan bilangan pegawai di Kementerian Pengangkutan serta Jabatan dan Agensi, saya yakin saudara saudari mempunyai semangat juang yang tinggi serta mampu untuk menunjukkan prestasi kecemerlangan yang konsisten sebagai menghargai pengiktirafan yang diberikan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kementerian Pengangkutan telah dipertanggungjawabkan untuk

menerajui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk Pengangkutan Awam Bandar (Urban Public Transport) dalam usaha untuk menambahbaik rangkaian sistem pengangkutan awam yang lebih komprehensif bagi memenuhi keperluan rakyat.

Usaha untuk menjayakan matlamat ini adalah bersifat jangka panjang dan memerlukan pelaburan yang besar, namun saya berkeyakinan bahawa dengan usaha gigih dan komitmen setiap warga kerja Kementerian yang penuh dedikasi dan bertanggungjawab, kita mampu untuk mensasarkan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan iaitu peningkatan dari 16% ke 25% penggunaan pengangkutan awam pada tahun 2012.

Justeru, pelbagai usaha telahpun dilaksanakan dibawah NKRA UPT seperti pengenalan '*Bus Express Transit (BET)*', '*Bus Rapid Transit (BRT)*', penambahan tren empat gerabak LRT dan berbagai lagi inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan sepertimana 'Terminal Bersepadu Timur' di Gombak dan 'Terminal Pengangkutan Bersepadu Selatan' di Bandar Tasik Selatan.

Dalam usaha untuk mencapai kejayaan dan menyahut seruan YAB Perdana Menteri dengan konsep 1 Malaysia "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan", setiap warga Kementerian Pengangkutan perlulah bersama-sama berganding bahu dan bergerak seiringan bagi membuktikan bahawa kita mampu memperoleh kejayaan yang berterusan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dari Januari hingga Jun tahun ini, Kementerian Pengangkutan telah mencapai pelbagai perubahan dan kejayaan melibatkan tiga sektor pengangkutan negara iaitu darat, maritim dan udara.

Penambahan set tren Tren Aliran Ringan (LRT) empat gerabak sejak Disember tahun lalu telah menunjukkan peningkatan sebanyak 13.3 peratus jumlah penumpang LRT bagi laluan Kelana Jaya pada tempoh 1 Januari 2010 hingga 7 Februari 2010 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Sehingga kini, lapan daripada 35 set koc empat gerabak sudah beroperasi manakala 26 set koc lagi dijangka tiba secara berperingkat pada tahun ini dan dijangkakan akan beroperasi sepenuhnya pada hujung tahun 2011.

Setiap tren yang baru ini boleh memuatkan 800 orang penumpang pada satu masa, iaitu dua kali ganda daripada tren dua gerabak yang sedia ada. Perolehan set tren LRT empat gerabak ini mampu memberi keselesaan kepada para penumpang LRT kesan daripada penambahan kapasiti tren yang luas dan seterusnya dapat mengurangkan tempoh menunggu daripada tiga minit kepada dua minit menjelang Oktober tahun ini.

Kempen-kempen keselamatan jalan raya juga giat dijalankan sepanjang tahun ini dengan memperluaskan lagi kerjasama di antara Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya dan juga agensi-agensi luar seperti Polis DiRaja Malaysia serta pihak-pihak swasta yang telah

memberi sumbangan idea, masa dan tajaan ke arah mengurangkan statistik kemalangan dan kematian di jalan raya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita juga harus berbangga dengan pencapaian dalam sektor maritim yang mana aktiviti pengendalian kontena di pelabuhan-pelabuhan utama negara telah menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2009, Pelabuhan Klang telah berjaya berada di tangga ke 13 di dunia berbanding di tangga ke 15 pada 2008, di ikuti Pelabuhan Tanjung Pelepas di tangga ke 17, berbanding di tangga ke 18 pada 2008.

Selain itu Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor juga telah berjaya tersenarai dalam 100 teratas pelabuhan kontena dunia iaitu ditangga ke 87 bagi Pelabuhan Pulau Pinang dan tangga ke 93 bagi Pelabuhan Johor.

Pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas telah meningkat sebanyak 7.1% iaitu 6.0 juta TEU's bagi tempoh Januari hingga Disember 2009 berbanding hanya 5.6 juta TEU's pada tempoh yang sama pada tahun 2008 dan ini seiring dengan visi untuk menjadikan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai pusat *transshipment* serantau. Oleh yang demikian, kualiti perkhidmatan yang baik haruslah dipertingkatkan selaras dengan pencapaian yang telah dicapai.

Selain itu, Malaysia juga berjaya menduduki kerusi Ahli Majlis IMO (International Maritime Organization) Kategori C sejak tahun 2006 dan pengundian Ahli Majlis yang akan datang ialah pada tahun 2011.

Susulan dari itu Malaysia telah berjaya menempatkan Atase Maritim di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London. Penempatan ini bagi memastikan kehadiran Malaysia dalam setiap program serta mesyuarat yang diadakan oleh IMO dapat memulihara kepentingan Malaysia. Ini juga merupakan satu kejayaan dan kebanggaan bagi negara Malaysia dan Kementerian Pengangkutan amnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Malaysia juga boleh berbangga dengan pencapaian Malaysia Airports Holding Berhad yang telah menerima anugerah *Airport Investment Company of the Year* manakala *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) telah menerima pengiktirafan *Asia Pacific Airport of the Year*. Selain itu, KLIA juga telah memenangi *Anugerah Best Airport Immigration Service* dan *Staff Service Excellence* di Asia Tenggara bagi tahun 2010.

Pencapaian-pencapaian seperti ini telah membuktikan bahawa Malaysia mampu mencapai tahap kecemerlangan yang berprestij di peringkat antarabangsa. Di samping itu, Malaysia juga sehingga kini telah mempunyai Perjanjian Perkhidmatan Udara dengan 96 buah negara di dunia termasuklah dengan 18 buah negara yang mengadakan perjanjian *Liberal Arrangements* yang tahap sekatan hak trafiknyanya adalah sehingga ke hak trafik kelima.

Lebih membanggakan lagi Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menduduki kerusi Ahli Majlis ICAO (International Civil Aviation Organization). Keahlian ini adalah hasil dari kejayaan Malaysia semasa pemilihan Ahli Majlis dalam Perhimpunan Agung ICAO sesi ke-

36 yang telah diadakan pada 18 hingga 28 September 2007. Dalam Perhimpunan Agung tersebut, Malaysia yang bertanding di bawah kriteria Kategori III berjaya menduduki kerusi Ahli Majlis ICAO untuk tempoh 3 tahun bermula tahun 2007 hingga 2010.

Disamping itu, sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni khususnya dalam memastikan penyediaan pengangkutan awam yang selesa, Kementerian dalam RMK10, telah memohon peruntukan sebanyak RM 18.8 billion yang melibatkan sebanyak 266 projek.

Permohonan ini diperlukan bagi memberi tumpuan pelaksanaan terhadap projek pembelian *rolling stock* dan pembinaan landasan keretapi berkembar elektrik serta peningkatan sistem kawalan pengangkutan udara dan maritim.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Ledakan globalisasi yang pesat kini telah banyak mempengaruhi perkembangan dunia yang sudah pastinya membawa cabaran-cabaran yang harus kita tempuhi dengan perubahan budaya kerja yang lebih proaktif dan progresif.

Pendekatan secara konservatif adalah tidak seharusnya diamalkan lagi bahkan setiap warga kerja di Kementerian sewajarnya mengamalkan elemen-elemen inovatif dan kreatif dalam menghasilkan kecemerlangan perkhidmatan bagi menjamin Malaysia sebuah negara maju.

Adalah menjadi harapan saya supaya semua warga Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya dapat bekerja bersama-sama saya dalam meneruskan usaha murni ini.

Saya menyeru agar semua warga Kementerian mengamalkan 4 tonggak utama Kerajaan iaitu '**Kreativiti dan Inovasi**', '**Kepantasan Membuat Keputusan dan Pelaksanaan**', '**Integriti dan Perbelanjaan Berhemat Secara *Value for Money***' bagi menyahut cabaran Y.A.B Perdana Menteri dalam usaha mencapai misi nasional negara iaitu **Gagasan 1 Malaysia, Government Transformation Programme (GTP), New Economic Model (NEM) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10)**.

Menyedari hakikat ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membina infrastruktur bertaraf dunia dan menyediakan rangkaian pengangkutan yang lebih luas dan efisien kepada rakyat setempat yang mana ia sekali gus dapat menyumbang kepada pertumbuhan pembangunan di kawasan pedalaman.

Saya percaya bahawa semua warga Kementerian serta Jabatan dan Agensi mampu menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang dalam usaha mempertingkatkan kecekapan pengangkutan awam di Malaysia sepanjang tempoh RMK 10 (2010-2015) ini selaras dengan pendekatan utama yang diberi kepada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu "Greater Kuala Lumpur" yang mana kita mensasarkan dua juta perjalanan penumpang sehari berbanding dengan 480,000 perjalanan penumpang sistem pengangkutan bandar masa ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, ingin saya tegaskan di sini bahawa disebalik meraikan sejumlah 35 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2009, kita juga sebenarnya telah bersama-sama berganding baru memberi sumbangan yang besar kepada Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang telah menjadikan Kementerian Pengangkutan sebagai sebuah organisasi yang gemilang dan cemerlang.

Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.